



13 Februari 2012
13 February 2012
P.U. (A) 43

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA) (PINDAAN) 2012

ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS)(AMENDMENT) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA)
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2012.

Pindaan peraturan 15

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 [*P.U. (A) 386/1981*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 15(3) dengan menggantikan perkataan “seorang “saudara” yang ditakrifkan dalam subperaturan 19(7)” dengan perkataan “mana-mana orang yang dinamakan mengikut subperaturan 19(10)”.

Pindaan peraturan 19

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 19 dengan peraturan yang berikut:

“Cara mengundi

19. (1) Setiap pengundi hendaklah diberikan satu kertas undi dan adalah berhak kepada satu undi.

(2) Apabila setiap pengundi meminta kertas undi, nombor dan nama pengundi sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar pemilih hendaklah diteriakkan.

(3) Jika didapati bahawa tiada tanda dibuat mengikut subperaturan (5) pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih yang menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya, ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya, hendaklah sebelum mengeluarkan suatu kertas undi kepada pengundi itu, menghendaki pengundi itu menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu.

(4) Setelah ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya berpuas hati bahawa—

(a) tiada tanda dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih mengikut subperaturan (5); dan

(b) tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi,

ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah membuat suatu tanda pada jari telunjuk kiri pengundi itu dengan menggunakan dakwat kekal dan seterusnya ketua tempat mengundi hendaklah mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.

(5) Sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pengundi, suatu tanda, tanpa menunjukkan dengan apa-apa cara kertas undi tertentu yang hendak dikeluarkan kepadanya, hendaklah dibuat dalam daftar pemilih bersetentangan

dengan nombor dan nama pengundi itu untuk menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya.

(6) Kertas undi itu hendaklah ditindikkan atau dicap dengan tanda rasmi atau ditandatangani secara ringkas oleh ketua tempat mengundi di sebelah tepi kertas undi itu dan kertas undi itu hendaklah kemudiannya dikeluarkan kepada pengundi itu oleh ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya.

(7) Apabila menerima kertas undi, pengundi itu hendaklah dengan serta-merta pergi ke suatu tempat dalam tempat mengundi itu sebagaimana yang ditunjukkan oleh ketua tempat mengundi itu atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya dan di situ dia hendaklah secara rahsia menandakan kertas undi itu mengikut arahan yang diberikan bagi panduan pengundi yang disebut dalam subperaturan 13(2).

(8) Pengundi itu hendaklah kemudiannya melipat kertas undi itu untuk merahsiakan tandanya dan hendaklah memasukkan kertas undi itu ke dalam peti undi dan tanpa kelengahan tidak wajar hendaklah kemudiannya dengan serta-merta meninggalkan kawasan tempat mengundi itu.

(9) Ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya boleh bertanya kepada mana-mana pengundi sama ada pengundi itu faham cara mengundi dan jika difikirkannya patut, atas permintaan mana-mana pengundi, boleh menerangkan cara mengundi kepada pengundi itu dalam pendengaran mana-mana ejen tempat mengundi yang hadir di tempat mengundi itu; pada berbuat demikian dia hendaklah berhati-hati supaya tidak membuat apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai nasihat atau arahan untuk mengundi mana-mana calon tertentu.

(10) Atas permintaan seseorang pengundi yang tidak berdaya oleh sebab buta atau kecacatan fizikal lain untuk mengundi mengikut cara yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini, mana-mana orang yang dipercayai dan dinamakan oleh pengundi, yang hendaklah merupakan seorang warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih, atau jika orang yang sedemikian tidak dinamakan, ketua tempat mengundi, hendaklah menandakan kertas undi pengundi itu mengikut cara yang disuruh oleh pengundi itu dan hendaklah menyebabkan kertas undi itu dimasukkan ke dalam peti undi.

(11) Mana-mana orang yang dinamakan di bawah subperaturan (10) hendaklah membuat suatu akuan mengenai identitinya dan penamaannya dalam Borang 10 dalam Jadual Pertama dan tiap-tiap akuan itu hendaklah dikecualikan daripada duti setem.

(12) Ketua tempat mengundi boleh, pada bila-bila masa semasa pengundian sedang berjalan, mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa tiada pengundi berlengah-lengah secara tidak wajar di mana-mana tempat yang dikhaskan bagi penandaan kertas undi.

(13) Rujukan mengenai jari telunjuk kiri pengundi dalam peraturan ini dan peraturan 19A hendaklah ditafsirkan—

- (a) dalam hal jika jari telunjuk kiri pengundi tiada atau jari telunjuk kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai mana-mana jari kirinya yang lain;
- (b) dalam hal jika kesemua jari kiri pengundi tiada atau kesemua jari kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai jari telunjuk kanannya atau mana-mana jari kanannya yang lain; dan

- (c) dalam hal jika kesemua jari kiri dan kanan pengundi tiada, sebagai rujukan mengenai bahagian hujung tangan kiri atau kanan.”.

Peraturan 19A baru

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 19 peraturan yang berikut:

“Ketidakpatuhan cara mengundi

19A. (1) Jika ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa—

- (a) pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu mengikut subperaturan 19(3);
- (b) pengundi itu enggan jari telunjuk kirinya ditandakan dengan dakwat kekal mengikut subperaturan 19(4); atau
- (c) jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal tetapi nombor dan nama pengundi itu tidak ditandakan dalam daftar pemilih,

ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah merekodkan keengganan pengundi itu atau hakikat bahawa jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal

dalam akuan yang diperuntukkan dalam Borang 10A dalam Jadual Pertama, dan hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.

(2) Jika ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa nombor dan nama pengundi dalam daftar pemilih telah ditandakan dengan tanda yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi itu tetapi jari telunjuk kiri pengundi itu tidak ditandakan dengan dakwat kekal, ketua tempat mengundi hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu; dan ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah merekodkan hakikat sedemikian dalam Borang 10A.

(3) Ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah menandatangani akuan dalam Borang 10A di hadapan seorang saksi; dan tiap-tiap akuan itu hendaklah dikecualikan daripada duti setem.”.

Pindaan peraturan 31

5. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “19(7)” dengan perkataan “19(10)”.

Pindaan Jadual Pertama

6. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Borang 10 dengan Borang yang berikut:

“

DUTI SETEM
DIKECUALIKAN

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

BORANG 10

[Subperaturan 19(10)]

AKUAN MENGENAI IDENTITI DAN PENAMAAN

Saya,
(*Nama Penuh*)

No. K.P. beralamat
(*Alamat*)

.....
mengaku bahawa saya ialah seorang warganegara yang berumur
dua puluh satu tahun atau lebih yang dipercayai dan dinamakan
oleh
(*Nama Pengundi*)

No. K.P. yang tidak berdaya untuk mengundi.

Nombornya dalam daftar pemilih ialah

.....
Tandatangan

Diakui di hadapan saya pada20.....

.....
Ketua Tempat Mengundi

”;

dan

(b) dengan memasukkan selepas Borang 10 Borang yang berikut:

“

DUTI SETEM
DIKECUALIKAN

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

BORANG 10A

[Peraturan 19A]

AKUAN MENGENAI KEENGGANAN MENGELUARKAN KERTAS UNDI

Saya,
(Nama Penuh)

No. K.P..... ialah * Ketua Tempat Mengundi /
Orang Yang Bertindak Di Bawah Kuasa Ketua Tempat Mengundi
di pusat mengundi
(Nama Pusat Mengundi)

bagi tempat mengundi mengaku bahawa saya telah enggan
(No. Saluran)

mengeluarkan kertas undi kepada
(Nama Pengundi)

..... No. K.P.....
(No. K.P. Pengundi)

atas alasan seperti yang berikut:

*(a) pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya untuk
dipastikan sama ada dakwat kekal telah ditandakan pada jari
telunjuk kirinya;

*(b) pengundi itu enggan jari telunjuk kirinya ditandakan
dengan dakwat kekal;

- *(c) jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal walaupun tidak terdapat tanda yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepadanya telah dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih; atau
- *(d) jari telunjuk kiri pengundi itu tidak ditandakan dengan dakwat kekal tetapi telah terdapat tanda yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepadanya telah dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih.

Tarikh:

.....
Tandatangan

Ditandatangani di hadapan

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
No. K.P.:
Tarikh:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
CATATAN (*jika perlu*):

.....
.....
.....
.....
.....
.....

”.

Dibuat 10 Februari 2012
[SPR(S)509/1]ld.III; PN(PU2)178/LXXV]

Dengan arahan Suruhanjaya Pilihan Raya

DATUK KAMARUDDIN BIN MOHAMED BARIA
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958]

ELECTIONS ACT 1958

ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 16 of the Elections Act 1958 [*Act 19*], the Election Commission, with the approval of the Yang di-Pertuan Agong, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Elections (Conduct of Elections) (Amendment) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 15 February 2012.

Amendment of regulation 15

2. The Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981 [*P.U. (A) 386/1981*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 15(3) by substituting for the words “a “relative” defined in subregulation 19(7)” the words “any person nominated in accordance with subregulation 19(10)”.

Amendment of regulation 19

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 19 the following regulation:

“Manner of voting

19. (1) Each voter shall be given one ballot paper and shall be entitled to one vote.

(2) As each voter requests for a ballot paper, the number and name of the voter as stated in the electoral roll shall be called out.

(3) Where no mark in accordance with subregulation (5) has been made against the number and name of the voter in the electoral roll to denote that a ballot paper has been issued to the voter, the presiding officer or any person acting under his authority shall, before a ballot paper is issued to the voter, require the voter to show his left forefinger in order to ensure that no indelible ink has been marked on the voter's left forefinger.

(4) After the presiding officer or any person acting under his authority is satisfied that—

(a) no mark has been made against the number and name of the voter in the electoral roll in accordance with subregulation (5); and

(b) no indelible ink has been marked on the voter's left forefinger,

the presiding officer or any person acting under his authority shall then make a mark on the voter's left forefinger using the indelible ink and thereafter the presiding officer shall issue a ballot paper to the voter.

(5) Before the ballot paper is issued to the voter, a mark, without indicating in any way the particular ballot paper to be issued to him, shall be made in the electoral roll against the number and name of the voter to denote that he has been issued with a ballot paper.

(6) The ballot paper shall be perforated or stamped with the official mark or initialled by the presiding officer on the margin of the ballot paper and the ballot paper shall then be issued to the voter by the presiding officer or any person acting under his authority.

(7) On receiving the ballot paper, the voter shall forthwith proceed to such place in the polling station as may be indicated by the presiding officer or any person acting under his authority and shall there secretly mark the ballot paper in accordance with the directions given for the guidance of voters referred to in subregulation 13(2).

(8) The voter shall then fold the ballot paper so as to conceal his mark and shall put the ballot paper into the ballot box and without undue delay shall then forthwith leave the polling station limits.

(9) The presiding officer or any person acting under his authority may ask any voter whether such voter understands the manner of voting and if he thinks fit, at the request of any voter, may explain to such voter in the hearing of any polling agent present in the polling station the manner of voting; in so doing he shall carefully refrain from any action which might be construed as advice or direction to vote for any particular candidate.

(10) At the request of a voter who is incapacitated by blindness or other physical cause from voting in the manner prescribed by these Regulations, any person trusted and nominated by the voter, who shall be a citizen of or over the age of twenty-one years, or if such person is not nominated, the presiding officer, shall mark the ballot paper of such voter in the manner dictated by the voter and shall cause the ballot paper to be placed in the ballot box.

(11) Any person nominated under subregulation (10) shall make a declaration as to his identity and nomination in Form 10 in the First Schedule and every such declaration shall be exempt from stamp duty.

(12) The presiding officer may, at any time while the polling is proceeding, take such steps as may be necessary to ensure that no voter delays unduly in any place reserved for the marking of ballot papers.

(13) A reference to the left forefinger of a voter in this regulation and regulation 19A shall be construed—

- (a) in the case where the voter's left forefinger is missing or his left forefinger cannot be marked for whatever reason, as a reference to another one of his left fingers;
- (b) in the case where all of the voter's left fingers are missing or all his left fingers cannot be marked for whatever reason, as a reference to his right forefinger or another one of his right fingers; and
- (c) in the case where all of the voter's left and right fingers are missing, as a reference to the end of his left or right arm."

New regulation 19A

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 19 the following regulation:

"Non-compliance with the manner of voting

19A. (1) If the presiding officer or any person acting under his authority finds that—

- (a) the voter refuses to show his left forefinger in order to ensure that no indelible ink has been marked on the voter's left forefinger in accordance with subregulation 19(3);
- (b) the voter refuses to have his left forefinger to be marked with indelible ink in accordance with subregulation 19(4);
or

- (c) the voter's left forefinger has been marked with indelible ink but no mark has been made against the number and name of the voter in the electoral roll,

the presiding officer or any person acting under his authority shall record the refusal of the voter or the fact that the voter's forefinger has already been marked with indelible ink in the declaration provided in Form 10A in the First Schedule, and refuse to issue a ballot paper to the voter.

(2) If the presiding officer or any person acting under his authority finds that a mark has been made against the number and name of the voter in the electoral roll but the voter's left forefinger has not been marked with indelible ink, the presiding officer or any person acting under his authority shall refuse to issue a ballot paper to the voter; and the presiding officer or any person acting under his authority shall record such fact in Form 10A.

(3) The presiding officer or any person acting under his authority shall sign the declaration in Form 10A in the presence of a witness; and every such declaration shall be exempt from stamp duty.”.

Amendment of regulation 31

5. Regulation 31 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “19(7)” the words “19(10)”.

Amendment of First Schedule

6. The First Schedule to the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for Form 10 the following Form:

“

STAMP DUTY
EXEMPTED

ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) REGULATIONS 1981

FORM 10

[Subregulation 19(10)]

DECLARATION OF IDENTITY AND NOMINATION

I,
(Name in full)

I.C. No of
(Address)

.....
declare that I am a citizen of or over the age of twenty-one years who is
trusted and named by
(Name of Voter)

.....
I.C. No. who is incapacitated to vote.

His number in the electoral roll is

.....
Signature

Declared before me the20.....

.....
Presiding Officer

”;

and

(b) by inserting after Form 10 the following Form:

“

STAMP DUTY EXEMPTED

ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) REGULATIONS 1981

FORM 10A

[Regulation 19A]

DECLARATION WITH RESPECT TO REFUSAL TO ISSUE BALLOT PAPER

I,
(Name in full)

I.C. No am the *Presiding Officer/ Person
Acting Under The Presiding Officer's Authority at the polling centre of
..... for the polling station of
(Name of Polling Centre) (Stream No.)

declare that I refused to issue ballot paper to
(Name of Voter)

..... I.C. No.
(I.C. No. of Voter)

on the following ground:

- *(a) the voter refuses to show his left forefinger in order to ensure that no indelible ink has been marked on his left forefinger;
- *(b) the voter refuses his left forefinger to be marked with indelible ink;
- *(c) the voter's left forefinger has been marked with indelible ink even though no mark to denote that a ballot paper has been issued to him has been made against the voter's number and name in the electoral roll; or

- *(d) the voter's left forefinger has not been marked with indelible ink but a mark to denote that a ballot paper has been issued to him has been made against the voter's number and name in the electoral roll.

Date:

.....
Signature

Signed in the presence of

.....
Signature of Witness

Name :

I.C. No.:

Date:

* Delete if inapplicable.

NOTE (*if necessary*):

.....
.....
.....
.....
.....
.....

”.

Made 10 February 2012
[SPR(S)509/1]ld.III; PN(PU2) 178/LXXV]

By direction of the Election Commission

DATUK KAMARUDDIN BIN MOHAMED BARIA
Secretary
Election Commission

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 17 of the Elections Act 1958]